




# PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

SATU PENDEKATAN ANALISIS GELAGAT



Hairunnizam Wahid  
Mohd Ali Mohd Noor  
Adibah Abdul Wahab  
Muhammad Tajuddin Abdul Rahim

Pengurusan Zakat  
di Malaysia:  
Satu Pendekatan Analisis Gelagat

Hairunnizam Wahid  
Mohd Ali Mohd Noor  
Adibah Abdul Wahab  
Muhammad Tajuddin Abdul Rahim

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2017  
<http://www.ukm.my/fep>

Cetakan Pertama, 2017

Hak cipta Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
<http://www.ukm.my/ekonis>  
e-mel: [ekonis@ukm.edu.my](mailto:ekonis@ukm.edu.my)

Dengan Kerjasama  
Lembaga Zakat Selangor (LZS)  
3-01-1, Presint ALAMI, Pusat Perniagaan Worldwide 2,  
Persiaran Akuatik, Seksyen 13  
40100 Shah Alam, Selangor, Darul Ehsan, MALAYSIA  
e-mel: [khidmatpelanggan@zakat Selangor.com.my](mailto:khidmatpelanggan@zakat Selangor.com.my)

Unit Zakat UKM  
Pejabat Unit Zakat UKM  
Jabatan Bendahari, Aras 1, Masjid UKM  
43600 Bangi, Selangor, Darul Ehsan, MALAYSIA  
e-mel: [infozakat@ukm.edu.my](mailto:infozakat@ukm.edu.my)

Dicetak di Malaysia oleh  
UKM CETAK  
UKM Holdings Sdn. Bhd.  
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hairunnizam Wahid

Pengurusan Zakat Di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat /  
Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab, Muhammad  
Tajuddin Abdul Rahim

1. Zakat. 2. Islam—Charities. 3. Islamic Giving. I. Mohd Ali Mohd Nor, II.  
Adibah Abdul Wahab, III. Muhammad Tajuddin. IV. Judul

ISBN 978-983-3198-98-6

## Kandungan

---

Kandungan ...3

Kata Pengantar ...6

Sekapur Sirih...7

Prakata ...8

Senarai Penulis...9

Bab 1 Pengurusan Zakat Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman Unit Zakat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Muhammad Tajuddin Abdul Rahim & Wan Mohd Al Faizee*

*Wan Ab Rahaman...11*

Bab 2 Aplikasi SEM-PLS dalam Menentukan Faktor Pembayaran Zakat oleh  
Syarikat

*Adibah Abdul Wahab ...23*

Bab 3 Kodifikasi Akta Zakat Nasional: Persepsi dan Implikasi

*Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid ... 39*

Bab 4 Prestasi Kutipan Serta Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat:  
Kajian di Malaysia

*Mohd Fisul Ismail, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ...65*

Bab 5 Analisis Kecekapan Kutipan dan Agihan oleh Institusi Zakat: Satu Kajian  
Semula Terhadap Majlis Agama Islam Negeri

*Ummi Amirah Alias, Hairunnizam Wahid & Azrina Abdullah Al-Hadi ...83*

Bab 6 Kesan Cukai Korporat dan Zakat Perniagaan Terhadap Prestasi  
Kewangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

*Sri Nooridayu Salleh, Rubayah Yakob & Aisyah Abdul Rahman...103*

Bab 7 Pendanaan Awam (*Crowdfunding*) dan Zakat: Satu Tinjauan Awal Ke  
Atas Pendekatan yang Digunakan

*Suhaili Alma'amun ... 125*

Bab 8 Dana Zakat Untuk Pembiayaan Pendidikan: Tinjauan Kecenderungan  
Pemilihan Aliran Pendidikan dalam Kalangan Asnaf Mualaf di Malaysia

*Muhammad Haffiz Muhamad Isa & Hairunnizam Wahid ...133*

Bab 9 Pembangunan *Harta Aqar Zakat*: Kajian Terhadap Model Pembangunan *Harta Aqar* Majlis Agama Islam Negeri Johor  
*Mohd Azlan Bunasir & Hairunnizam Wahid ... 155*

Bab 10 Kontrak *Wakalah* dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan  
*Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid ... 171*

Bab 11 Kesedaran Masyarakat Islam Terhadap Penggunaan *e-Fidyah* dalam Urusan Pembayaran Fidyah di Majlis Agama Islam Johor: Kajian di Muar, Johor  
*Muhammad Shukri Ab Ghani, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ... 189*

Bab 12 Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Kerajaan di Wilayah Persekutuan, Putrajaya  
*'Abdullah Khairi Mohd Asri & Hairunnizam Wahid ... 211*

Bab 13 Persepsi Asnaf Zakat *Al-Gharimin* (Perubatan) Terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor  
*Nur Aliah Mohd Sukeri, Zulaikha Mohd Hanafiah & Hairunnizam Wahid ... 227*

Bab 14 Keberkesanan Pelaksanaan Ceramah Zakat Terhadap Kefahaman Serta Amalan Membayar Zakat Perniagaan: Kajian di Sepang, Selangor  
*Siti Umairah Kamaruddin, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Abdul Halim Abu Bakar ... 245*

Bab 15 Pembayaran Zakat Pendapatan dan Tekanan Kos Sara Hidup: Kajian dalam Kalangan Pensyarah di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM)  
*Sharifah Nor Nadiah Syed Aluwi, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ... 269*

Bab 16 Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak  
*Abdul Hayy Haziq Mohamad & Hairunnizam Wahid ... 287*

Bab 17 Hubungan Antara *Uruf*, Amalan Adat Perpatih Terhadap Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian di Rembau, Negeri Sembilan  
*Mohamad Nurul Azwan Mohamad Taib & Hairunnizam Wahid ...305*

Bab 18 Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
*Nur Liana 'Aqilah Derus & Mohd Ali Mohd Noor ...319*

Bab 19 Penentuan Had Kifayah Zakat: Satu Cadangan Dimensi Penentuan yang Baru  
*Siti Norhidayah Hamzah & Hairunnizam Wahid ...331*

Bab 20 Keberkesanan Bantuan Modal Zakat Daripada Perspektif Penerima: Kajian di Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu  
*Solehuddin Zulkifli, Nurmaizura Marzuki & Hairunnizam Wahid ...353*

Bab 21 Zakat, Tekanan Kewangan dan Pembiayaan Hutang bagi Institusi Kewangan di Malaysia  
*Aisyah Abdul-Rahman & Muhammad Haziq Abdullah ...373*

Bab 22 Kecekapan Pengurusan Agihan Zakat oleh Lembaga Amil Zakat Swadaya Ummah (LAZSU): Satu Kajian di Pekanbaru Riau, Indonesia  
*Sri Hartati, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Febri Arahman ...393*

## Kata Pengantar

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya. Selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS), saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat khususnya kepada sidang penyunting dalam menghasilkan buku bertajuk *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*. Usaha murni semua pihak yang terlibat menghasilkan buku ini memperlihatkan komitmen yang tinggi ke arah perkongsian ilmu dan pendedahan kajian-kajian kotemporari berkaitan gelagat penerima juga pembayar zakat semasa.

Peranan zakat terhadap agama dan sosioekonomi masyarakat tidak harus dipandang kecil. Pembayaran zakat bukan sahaja dapat menyucikan harta, jiwa dan sifat tamak pembayar zakat, bahkan ia juga dapat menyucikan sifat *mazmumah* seperti sifat hasad dengki penerima zakat terhadap mereka yang berharta yang akhirnya secara tidak langsung dapat melahirkan *ukhuwwah* dalam kalangan masyarakat. Hanya dengan pengamalan akhlak yang murni dan sifat *mahmudah* dalam masyarakat secara holistik dapat membantu hasrat negara membangunkan ekonomi ummah ke arah agenda futuristik iaitu Transformasi Nasional 2050. Kefahaman masyarakat mengenai perkara ini amat penting untuk menggalakkan umat Islam menunaikan tanggungjawab berzakat dan pihak institusi pengurusan zakat dapat mengagihkan harta zakat kepada asnaf dengan efisien dan sempurna mengikut kerangka syariah yang akhirnya akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang lestari dan inklusif.

Saya yakin buku ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada para karyawan zakat, institusi zakat, Majlis Agama Islam Negeri, institusi perbankan dan kewangan, ahli akademik, para ilmuan dan masyarakat dalam mengetahui isu-isu terkini khususnya yang berkaitan dengan gelagat agen ekonomi dalam sistem fiskal Islam yang berkaitan zakat. Buku ini diharapkan dapat menambahkan idea para pengkaji dan menjadi panduan dalam memperkasa pengurusan institusi zakat khususnya di Malaysia dan di dunia amnya. Semoga usaha ini mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT.

*Amin ya rabbal alamin.*

HAJI HUSSIN MOHD ALI  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Zakat Selangor  
Majlis Agama Islam Selangor

## Sekapur Sirih

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT atas limpahan nikmat dan rahmat-Nya.

Unit Zakat UKM sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memperkukuhkan dan memperkasakan pendidikan mahasiswa UKM. Antara saranan Unit Zakat UKM adalah dengan menggalakkan para mahasiswa UKM untuk menyertai pelbagai konvensyen akademik yang dianjurkan di peringkat universiti, yang berpotensi untuk memangkin kecemerlangan akademik dan inovasi dalam pembelajaran. Sejarah Islam jelas membuktikan bahawa zakat telah memberi sumbangan besar dalam dunia pendidikan dan telah melahirkan jutaan cendekiawan.

Usaha memperkasakan ilmu dalam kalangan mahasiswa sangat diambil berat oleh pihak kami walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran. Usaha ini menuntut kepada tindakan dan kerjasama yang serius daripada semua pihak agar benar-benar mencapai matlamat dalam memberikan kebajikan khususnya kepada para mahasiswa. Dengan cabaran ketirisan ilmu dalam kalangan mahasiswa, inisiatif Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM dalam mengadakan Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-12 2017 (PERKEM 2017) adalah satu langkah yang tepat pada masanya dan wajar disertai oleh setiap mahasiswa. Unit Zakat UKM sentiasa mengalu-alukan program seperti ini supaya dapat membudayakan keilmuan dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya menjana keintelektualan untuk melahirkan graduan beraspirasi kebangsaan, berkompeten, berdaya saing dan inovatif.

Akhir kata, Unit Zakat UKM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada penerbitan buku ini bersempena Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-12 2017 (PERKEM 2017) sebagai salah satu usaha memperkasakan kecemerlangan mahasiswa. Kolaborasi ini amat baik dan bertepatan dengan maqasid zakat yang telah dianjurkan dalam Islam. Semoga PERKEM 2017 menghasilkan impak yang tinggi dalam merealisasikan seruan kerajaan untuk memperkasakan pendidikan tinggi di Malaysia.

Salam Hormat

MUHAMMAD TAJUDDIN ABDUL RAHIM  
Unit Zakat UKM



## Prakata

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian untuk Allah SWT serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Perkembangan ilmu dalam pengkajian zakat telah berkembang luas dengan begitu pesat di serata dunia. Gabungan kekuatan ilmu asas dan ilmu alat dalam menganalisis sesuatu fenomena gelagat manusia berkaitan zakat serta hasil dapatan dan penemuan kajian secara empirikal merupakan satu keperluan yang *mainstream* pada masa kini. Maka sudah pastilah segala dapatan yang bersifat empirik tersebut memerlukan kepada metodologi yang bersifat saintifik dan sistematik yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sesuatu teori serta meyakinkan para penggubal dasar dengan penemuan yang diperolehi.

Buku ini merupakan kompilasi artikel berkaitan zakat di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke 12 2017. Sebahagian besar artikel ini adalah disumbangkan oleh para pelajar dalam Program Sarjana Ekonomi Islam di Pusat Pengajian Ekonomi, UKM tahun 2017. Fokus kajian zakat dalam buku ini adalah kajian yang berkaitan dengan gelagat manusia dalam sistem pengurusan zakat yang terdiri daripada amil, asnaf serta pembayar zakat di Malaysia. Hanya terdapat satu artikel yang mengkaji aspek pengurusan zakat di Riau, Indonesia.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kami kepada penyumbang utama dana bagi penerbitan buku ini iaitu Unit Zakat UKM. Penghargaan juga kepada pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang bersama-sama menjayakan penerbitan buku ini. Tidak dilupakan kepada semua pelajar program Sarjana Ekonomi Islam yang bertungkus-lumus menyiapkan artikel ini untuk dibentangkan di PERKEM 2017 dan bakal berkonvokesyen tahun 2017. Penghargaan juga kepada pihak CRIM-UKM selaku penyumbang geran kepada beberapa penyelidikan dalam menghasilkan bab dalam buku ini iaitu Geran DPP-2014-005, DPP-2015-FEP, GGP-2014-008 dan GUP-2016-001.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak pemegang taruh dalam pengurusan zakat. Harapan kami penerbitan buku ini dapat meningkatkan dan memperkukuhkan lagi ilmu dalam korpus bidang ekonomi Islam terutamanya dalam bidang kajian zakat. Kami mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dalam penulisan buku ini.

Sekian, terima kasih.  
Sidang Penyunting

## Senarai Penulis

---

- ‘Abdullah Khairi Mohd Asri, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Halim Abu Bakar, Eksekutif, Divisyen Dakwah dan Syariah Lembaga Zakat Selangor
- Abdul Hayy Haziq Mohamad, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Adibah Abdul Wahab, PhD. Ketua Divisyen Dakwah dan Syariah, Lembaga Zakat Selangor
- Mohd Suffian Mohamed Esa, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aisyah Abdul Rahman, PhD. Profesor Madya, Pusat Pengajian Pengurusan, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Atiah Ahmad, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azrina Abdullah Al-Hadi, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Febri Arahman, Kakitangan Lembaga Amil Zakat Swadaya Ummah (LAZSU), Riau, Indonesia
- Hairunnizam Wahid, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohamad Nurul Azwan Mohamad Taib, Pelajar Sarjana Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Ali Mohd Noor, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Azlan Bunasir, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fisul Ismail, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Haffiz Muhammad Isa, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Haziq Abdullah, Pelajar Sarjanamuda Pengurusan Perniagaan, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Shukri Ab Ghani, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Tajuddin Abdul Rahim, Ketua Unit Zakat, Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Aliah Mohd Sukeri, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Liana ‘Aqilah Derus, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurmaizura Marzuki, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

- Rubayah Yakob, PhD. Profesor Madya, Pusat Pengajian Pengurusan, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sharifah Nor Nadiyah Syed Aluwi, Pelajar Sarjana Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Norhidayah Hamzah, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Umairah Kamaruddin, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Solehuddin Zulkifli, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sri Hartati, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sri Nooridayu Salleh, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Suhaili Alma'amun, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ummi Amirah Alias, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Pensyarah, Institut Profesional Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Zulaikha Mohd Hanafiah, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

## Bab 20

### Keberkesanan Bantuan Modal Zakat daripada Perspektif Penerima: Kajian di Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu

Solehuddin Zulkifli  
Nurmaizura Marzuki  
Hairunnizam Wahid

#### Pengenalan

Objektif utama pihak berkuasa dan agensi yang mengendalikan urusan pengagihan zakat adalah supaya agihan yang diberikan kepada penerima bantuan dapat mengubah dan meningkatkan taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Justeru keberkesanan agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin oleh pusat zakat Maidam Terengganu akan dianggap sebagai penanda aras oleh masyarakat bahawa pusat zakat menjaga kebajikan kedua golongan ini dengan sewajarnya. Sekiranya golongan asnaf fakir dan miskin berjaya meningkatkan tahap ekonomi (pendapatan) mereka setelah menerima bantuan zakat, maka agihan zakat oleh pusat zakat akan dinilai sebagai berjaya mencapai objektifnya membantu golongan berkenaan. Sebaliknya jika tingkat pendapatan gagal dinaikkan maka program bantuan dikatakan sebagai gagal. Akan tetapi penilaian yang dilakukan dalam menilai keberkesanan bantuan zakat tersebut adalah tertumpu kepada penilaian berasaskan faktor ekonomi sahaja terutama daripada aspek peningkatan pendapatan. Penilaian yang dilakukan berdasarkan aspek ekonomi semata-mata sebagai satu-satunya tanda aras menilai kejayaan atau kegagalan bantuan zakat adalah kurang tepat (Rosbi et. al, 2010). Malahan adalah tidak wajar untuk melabelkan bahawa pihak berkuasa khususnya pusat zakat dan Maidam Terengganu sebagai gagal memainkan peranan, dan tentunya tidak sesuai untuk juga mengangap golongan fakir dan miskin sebagai golongan yang tidak mahukan tranformasi kemajuan diri. Untuk itu penilaian yang lebih komprehensif merangkumi aspek fizikal dan kerohanian amat diperlukan diperlukan bagi memberi gambaran yang lebih adil serta komprehensif.

Berdasarkan ajaran Islam yang murni kehidupan manusia memerlukan lima perkara asas yang disebut sebagai maqasid al-syariah yang terdiri

daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Rosbi et.al, 2010). Maqasid al-syariah itu jugalah yang menjadi tujuan syariah diturunkan kepada manusia maka tentunya bantuan zakat juga mempunyai maksud untuk memenuhi maqasid al-syariah tersebut (Sanep & Rosbi, 2010). Maka penilaian kegagalan atau kejayaan sesuatu tindakan perlulah didasarkan kepada kegagalan atau kejayaan dalam memenuhi maqasid as-syariah tersebut (Rosbi & Sanep, 2010). Penilaian akan dilakukan oleh penerima bantuan modal zakat sendiri untuk mengukur impak dan kesan yang dirasakan mereka daripada aspek memenuhi keperluan yang digariskan menerusi pendekatan maqasid as syariah tersebut.

Penilaian keberkesanan agihan zakat tidak boleh hanya dinilai daripada sudut ekonomi terutama penilaian yang diukur semata-mata berdasarkan tingkat pendapatan. Ini kerana sungguhpun penilaian berdasarkan tingkat pendapatan telah diterima umum sebagai kaedah untuk mengukur taraf sosioekonomi seseorang dimata masyarakat, namun pada hakikatnya masih terdapat banyak faktor lain lagi yang sepatutnya dipertimbangkan. Malahan kemungkinan juga berlaku bantuan modal zakat mungkin gagal meningkatkan pendapatan asnaf secara signifikan atau gagal mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan, namun kemungkinan terjadinya peningkatan atau penambahbaikan daripada aspek sosio-ekonomi yang lain. Lantaran itu satu kaedah ukuran yang menyeluruh perlu diterokai dan dicadangkan bagi tujuan mengukur keberkesanan agihan zakat secara komprehensif dan adil. Justeru objektif kajian ini adalah untuk membina satu kaedah penilaian keberkesanan bantuan modal zakat yang lebih komprehensif. Penilaian akan dilakukan dengan mengambil kira kesemua prinsip yang dinyatakan di dalam maqasid al-syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam erti kata lain objektif kajian akan ditajamkan yang membabitkan pendekatan ini adalah untuk membina satu kaedah penilaian keberkesanan bantuan modal zakat yang lebih komprehensif yang membabitkan semua elemen dalam maqasid al-syariah. iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang membabitkan pihak penerima bantuan modal perniagaan.

Di samping itu persepsi berkenaan keberkesanan agihan zakat yang dinyatakan kebanyakannya adalah daripada perspektif pihak luar iaitu sama ada pihak pembayar atau masyarakat umum. Penilaian sebegini adalah semata-mata berdasarkan pemerhatian. Penilaian juga sepatutnya dilihat daripada perspektif penerima sebagai pihak yang sebenarnya merasakan kesan bantuan yang diterima. Pandangan dan perasaan mereka tentang bantuan yang diberikan sama ada berkesan atau tidak adalah lebih relevan. Berdasarkan kaedah penilaian ini maka keberkesanan atau kegagalan agihan zakat perlu dinilai daripada persepektif penerima samada mereka merasa sebarang perubahan daripada aspek kehidupan khususnya dalam memenuhi kesemua keperluan yang digariskan dalam prinsip maqasid al-syariah tersebut. Lantaran itu objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan bantuan modal zakat ke atas taraf sosioekonomi dilihat daripada perspektif penerima. Penilaian akan dilakukan ke atas kesemua aspek kehidupan sebagaimana digariskan oleh maqasid al-syariah.

## Kajian Lepas

Didapati bahawa kajian-kajian lepas apabila membincangkan kejayaan atau kegagalan sesuatu program pembangunan terutama untuk golongan fakir dan miskin mengambil kira pelbagai faktor samada aspek ekonomi mahupun aspek sosial mengikut preseptif barat semata-mata dan agak sukar ditemui kajian yang menjurus kepada preseptif kajian daripada sudut pandangan Islam. Emil (1992) mengambil kira semua maklumat sosioekonomi komuniti, Ahmad Mahdzan (1998) pula mengambil kira semua petunjuk ekonomi dan sosial, manakala Zainal Abidin (1992) mengambil kira perubahan pandangan dan gaya hidup. Sesetengah pengkaji menggunakan beberapa petunjuk dalam penapisan, dan petunjuk sosial politik manakala Mikkelsen (2005) mengambil kira petunjuk perbelanjaan pendapatan, petunjuk diskrit, petunjuk livelihood, petunjuk sumber dan petunjuk pengetahuan. Koirala (2005) menggunakan juga faktor lain selain pendapatan seperti kemudahan pendidikan, elektrik, dan jalanraya manakala Jaya S.Anand (2005) menggunakan tiga aspek untuk dinilai iaitu aspek ekonomi, aspek politik dan aspek sosial. Ahsan & Routray (2007) menilai daripada aspek pendapatan, aspek aset produktif dan aset bukan produktif dan Majabeen R (2008) pula menggabungkan petunjuk ekonomi dan sosial dalam penilaian.

Manakala kajian-kajian mengenai keberkesanan agihan zakat juga didapati hanya mengambil kira sesetengah aspek sahaja. Hairunnizam et al. (2004) hanya menilai aspek kualiti hidup, Fuadah Johari (2004) melihat kesan daripada aspek agihan pendapatan, dan Patmawati (2005) menilai daripada aspek kesaksamaan agihan pendapatan. Mujani (2005) juga menilai kesan daripada aspek pendapatan tetapi ke arah pengurusan yang profesional, manakala Ahmad Fuad (2006) pula menilai hanya daripada aspek pendapatan sahaja. Maka dapat dirumuskan bahawa kebanyakan kajian yang lepas menangani kesan agihan zakat hanya menilai kejayaan atau kegagalan berdasarkan faktor-faktor tertentu secara terpisah. Ia sepatutnya mengambil kira beberapa faktor lain sebagaimana dilakukan dalam membuat penilaian keberkesanan sesuatu program pembangunan ekonomi. Maka kajian ini akan menilai keberkesanan bantuan modal zakat daripada sudut penerima bantuan yang akan menilai samada ianya berupaya memberikan impak yang positif dan mampu memenuhi kesemua aspek yang digariskan oleh maqasid al-syariah. Ini bertujuan untuk memastikan penilaian yang dilakukan menjadi lebih komprehensif dan menepati keperluan kehidupan berlandaskan garis panduan Islam.

## Metodologi Kajian

Kaedah penilaian ukuran keberkesanan yang digunakan adalah penggabungan prinsip maqasid al-syariah (Rosbi et. al, 2010). Metodologi yang dicadangkan adalah menggunakan ukuran keberkesanan yang dinilai menerusi kaedah *'Change Assessment And Scoring Tool' (CAST).*'

Kaedah CAST ini pada asalnya digunapakai oleh pengkaji dari Denmark Mikkelsen (2005) dalam kajian mengenai keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan di bawah program DANIDA. Menerusi kaedah CAST ini ukuran keberkesanan diperolehi apabila melihat kepada perubahan yang berlaku kepada responden apabila sesuatu program dilaksanakan., menerusi kaedah ini ukuran keberkesanan ditentukan oleh mereka yang terlibat dalam sesuatu program yang dilaksanakan. Pilihan jawapan yang dinyatakan oleh responden akan dikodkan dalam bentuk 'Change Assessment And Scoring Tool' (CAST). Perubahan ini akan diukur dalam 5 skala iaitu perubahan daripada yang paling positif (nilai 5), perubahan positif (nilai 4), tiada perubahan (nilai 3), perubahan tidak positif (nilai 4) dan kepada perubahan yang paling negatif iaitu perubahan sangat tidak positif (nilai 1). Keberkesanan atau pencapaian golongan asnaf dalam memenuhi setiap kategori ini akan dikategorikan semula kepada 3 keadaan pencapaian sama ada berjaya, sederhana dan kurang berjaya.

### Hasil Kajian

Latar belakang responden: Bagi menilai keberkesanan bantuan modal zakat ini, maka satu kajian telah dijalankan keatas penerima bantuan modal zakat. Maka seramai 80 penerima bantuan modal perniagaan di Negeri Terengganu iaitu membabitkan daerah Kuala Terengganu dan 60 penerima bantuan modal perniagaan di Kuala Nerus telah dikaji secara rawak berdasarkan senarai bantuan modal zakat. Kajian ini mengambil masa sekitar lebih 1 bulan pada iaitu hujung september 2016 hingga oktober 2016.

Ukuran keberkesanan bantuan modal zakat menggunakan kaedah penilaian komprehensif berlandaskan prinsip maqasid al-syariah. Selaras dengan prinsip Maqasid Al-Syariah yang menetapkan bahawa seseorang Muslim sewajarnya menjaga lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bagi memastikan keperluan kehidupan dapat dipenuhi, maka sewajarnya keberkesanan bantuan modal ini perlu dinilai daripada aspek keupayaannya memenuhi 5 keperluan berkenaan untuk melihat keberkesanan bantuan modal zakat dalam perspektif yang lebih tepat.

#### *a) Keberkesanan bantuan modal dalam memenuhi prinsip pertama maqasid-keperluan menjaga agama (ad-din)*

Keperluan menjaga kepentingan agama (ad-din) dalam Islam diletakkan sebagai tunggak paling utama yang perlu diutamakan. Kegagalan memenuhi keperluan paling utama ini akan menunjukkan bahawa seseorang Muslim tidak dianggap berjaya dalam kehidupannya. Berdasarkan Jadual 1, bagi mengukur keberkesanan bantuan modal zakat dalam memenuhi keperluan menjaga agama, terdapat tujuh item dan soalan yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi bagi setiap elemen berkenaan. Maka hasil kajian di dapati bahawa skor yang diperolehi adalah pada gabungan tahap pencapaian sederhana dan berjaya.

Didapati Jadual 6, juga daripada 80 responden di Kuala Terengganu (KT), seramai 47 orang iaitu 58.8 peratus berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, seramai 26 orang (32.5%) pada tahap sederhana dan hanya 7 orang (8.8%) tidak berjaya. Manakala berdasarkan Jadual 7, untuk responden di Kuala Nerus (KN), seramai 35 orang iaitu 58.3 peratus berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, seramai 19 orang (31%) pada tahap sederhana dan hanya 6 orang (10%) tidak berjaya. Maka sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa lebih daripada separuh responden menyatakan bahawa mereka mengalami perubahan yang sangat positif daripada aspek memenuhi keperluan hidup yang digariskan berlandaskan prinsip Maqasid al-Syariah. Menerusi bantuan modal zakat yang diperolehi, mereka telah berjaya membina jati diri dan keya kinan daripada aspek memenuhi tuntutan agama (ad-din) yang merupakan keperluan paling penting dalam Maqasid al-Syariah.

*b) Keberkesanan bantuan modal dalam memenuhi prinsip kedua maqasid-keperluan menjaga nyawa (al-nafs).*

Bagi prinsip menjaga keperluan nyawa (*al-nafs*) atau keperluan keselamatan, sebanyak 5 item perlu diberi pandangan dan penilaian oleh responden. Berdasarkan Jadual 2 didapati kebanyakan penilaian adalah pada tahap sederhana berjaya. Rajah 1 menunjukkan carta CAST daerah KT yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan Menjaga Nyawa (*al-nafs*). Seperti yang ditunjukkan dalam carta CAST, daripada 5 item yang dinilai, sebanyak 3 item telah mencapai tahap kesederhanaan iaitu ketenteraman dalam kehidupan (B2.3), tenang dalam menjalankan pekerjaan (B2.4) dan bebas daripada merasa ketakutan untuk harungi masa depan (B2.5). Bagi yang memberikan skor berjaya hanya membabitkan dua elemen iaitu aspek penyediaan tempat tinggal (B2.1), keselesaan dan keselamatan persekitaran (B2.2). Bagi Rajah 1 untuk KN menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga nyawa (*an-Nafs*). Seperti yang ditunjukkan dalam carta CAST, daripada lima yang dinilai, sebanyak empat item telah mencapai tahap kesederhanaan iaitu daripada aspek menyediakan tempat tinggal yang terjamin keselamatan (B2.1), ketenteraman dalam kehidupan (B2.3), jaminan masa hadapan (B2.4) dan kebebasan dalam menjalani kehidupan (B2.5). Hanya satu item sahaja iaitu daripada aspek keselesaan dan keselamatan persekitaran (B2.2) yang memberikan skor berjaya. Maka, secara puratanya bagi prinsip menjaga keperluan nyawa (*an-Nafs*) masih berada pada tahap sederhana berjaya. Maka secara puratanya bagi prinsip menjaga keperluan nyawa (*al-nafs*) atau keperluan keselamatan masih berada pada tahap sederhana berjaya.



Jadual 1: Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid al-Syari'ah: Prinsip Menjaga Agama (*ad-Din*)

Item	Pernyataan	Purata Skor/Kategori (Kuala Terengganu)	Purata Skor/Kategori (Kuala Nerus)
B1.1	Mampu melakukan yang terbaik untuk diri dan keluarga	4.53 (Berjaya)	4.47 (Berjaya)
B1.2	Percaya kepada kebolehan diri adalah elemen penting untuk Berjaya	4.54 (Berjaya)	4.50 (Berjaya)
B1.3	Kini lebih yakin dan mampu membebaskan diri dan keluarga daripada cengkaman kemiskinan	4.23(Sederhana)	4.23 (Sederhana)
B1.4	Kini lebih bersemangat untuk mengikuti latihan dan juga kemahiran sekiranya diberi peluang	4.18(Sederhana)	4.15 (Sederhana)
B1.5	Kini yakin akan mampu berdikari dan tidak perlu bergantung pada bantuan zakat di masa akan datang	3.74(Sederhana)	3.70 (Sederhana)
B1.6	Kini yakin akan mampu menjadi pembayar zakat pada masa akan datang	3.80(Sederhana)	3.72 (Sederhana)
B1.7	Memahami matlamat akhir makhluk adalah mencari keredaan Allah dan mencapai kejayaan di akhirat	4.69 (Berjaya)	4.75 (Berjaya)
	Purata Skor Keberkesanan Keseluruhan	4.10(Sederhana)	4.22 (Sederhana)

Sumber: Maklumat soal selidik

Jadual 2: Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan dalam Memenuhi Prinsip Kedua Maqasid al-Syari'ah: Prinsip Menjaga Nyawa (*an-Nafs*)

Item	Pernyataan	Purata Skor/Kategori (Kuala Terengganu)	Purata Skor/Kategori (Kuala Nerus)
B2.1	Kini lebih yakin rumah yang didiami adalah sesuai dan selamat untuk diduduki	4.10 (Berjaya)	4.22 (Sederhana)
B2.2	Kini tinggal di kawasan persekitaran yang selesa dan selamat untuk didiami saya sekeluarga	4.06 (Berjaya)	4.25 (Berjaya)
B2.3	Lebih yakin keluarga dapat menikmati kehidupan dengan lebih tenteram dan stabil.	4.09(Sederhana)	4.20 (Sederhana)
B2.4	Kini lebih tenang dalam menjalankan pekerjaan/perniagaan	4.10(Sederhana)	4.13 (Sederhana)
B2.5	Kini bebas daripada rasa ketakutan dan kerisauan untuk mengharungi kehidupan di masa hadapan	4.00(Sederhana)	4.07 (Sederhana)
	Purata Skor Keberkesanan Keseluruhan	4.07(Sederhana)	4.17 (Sederhana)

Sumber: Maklumat soal selidik

Berdasarkan hasil kajian terhadap 80 responden KT, Jadual 6 menunjukkan untuk kategori maqasid elemen ke-2 adalah sebanyak 29 orang atau 36.3 peratus mencatatkan kejayaan, manakala 36 orang (45%) adalah sederhana dan 15 orang 18.8 peratus adalah gagal mencapai piawai minima maqasid ke-2 itu. Bagi KN berdasarkan Jadual 7 menunjukkan bahawa daripada 60 responden, seramai 25 orang iaitu 41.7 peratus berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, manakala seramai 28 orang (46.7%) pada tahap sederhana dan hanya 7 orang (11.7%) tidak berjaya. Sebagai rumusan dapat dinyatakan bahawa walaupun tahap berjaya tidaklah terlalu tinggi iaitu hanya 41.7 peratus sahaja, tapi, sekurang-kurangnya ia memberikan petunjuk bahawa bantuan modal perniagaan ini telah memberikan harapan baru dan memberikan mereka keyakinan dapat memastikan kehidupan mereka berada pada tahap yang lebih selamat. Keadaan ini akan dapat diubah dan diperbaiki di masa hadapan asalkan mereka sanggup untuk berubah secara fizikal dan minda demi memastikan pada akhirnya nanti akan berjaya memenuhi prinsip Maqasid al-Syari'ah. Sebagai rumusan dapat dinyatakan bahawa walaupun tahap berjaya tidaklah terlalu tinggi iaitu hanya bawah 50 peratus sahaja, tapi sekurang-kurangnya ia memberikan petunjuk bahawa bantuan modal zakat ini telah memberikan harapan baru dalam meneukusri ranjau kehidupan.

*c) Keberkesanan bantuan modal dalam memenuhi prinsip ketiga maqasid-keperluan menjaga akal & fikiran (al-aqal)*

Prinsip Maqasid al-Syariah berikutnya adalah keperluan menjaga akal dan fikiran (*al-aqal*). Berdasarkan Jadual 3, terdapat lima item atau soalan yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi bagi setiap elemen berkenaan. Maka hasil kajian didapati bahawa skor yang diperolehi kebanyakan pada tahap pencapaian sederhana.

Rajah 1 untuk KT menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang dinilai dalam konteks maqasid syariah iaitu keperluan menjaga akal. Berdasarkan rajah tersebut, hanya dua item beradun dalam kedudukan yang berjaya iaitu kasih sayang ahli keluarga (B3.1), keperihatinan terhadap jiran (B3.2). Selebihnya penyertaan aktiviti masyarakat (B3.3), keyakinan berinteraksi (B3.4), kemampuan bersuara dan pandangan idea (B3.5) adalah dalam skala yang sangat sederhana. Pencapaian daerah KN Rajah 1 menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga akal dan fikiran (*al-'Aql*). Berdasarkan rajah CAST tersebut, hanya dua item yang dikategorikan pada tahap berjaya iaitu kasih sayang ahli keluarga (B3.1) dan keperihatinan terhadap jiran tetangga (B3.2). manakala, lain-lain item berada pada kategori sederhana adalah daripada aspek penyertaan aktiviti kemasyarakatan (B3.3), keyakinan berinteraksi (B2.4) dan kemampuan bersuara dan memberikan idea (B3.5).

Jadual 3: Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan dalam Memenuhi Prinsip Ketiga Maqasid al-Syari'ah: Prinsip Menjaga Akal dan Fikiran (*al-'Aql*)

Item	Pernyataan	Purata Skor/Kategori (Kuala Terengganu)	Purata Skor/Kategori (Kuala Nerus)
B3.1	Kini merasakan diri lebih disayangi oleh ahli keluarga	4.54 (Berjaya)	4.22 (Sederhana)
B3.2	Lebih prihatin terhadap keperluan jiran tetangga	4.40 (Berjaya)	4.25 (Berjaya)
B3.3	Saya kini lebih berminat untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan di tempat saya.	4.08(Sederhana)	4.20 (Sederhana)
B3.4	Saya kini menjadi lebih berkeyakinan untuk berinteraksi dengan orang ramai	3.94(Sederhana)	4.13 (Sederhana)
B3.5	Saya kini mampu menyuarakan idea dan pandangan dalam perjumpaan atau forum yang dihadiri	3.75(Sederhana)	4.07 (Sederhana)
	Purata Skor Keberkesanan Keseluruhan	4.14(Sederhana)	4.17 (Sederhana)

Sumber: Maklumat soal selidik

Ini menunjukkan bahawa golongan usahawan asnaf masih tidak begitu aktif melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, kurang keyakinan dalam berinteraksi dan menyuarakan idea atau pandangan.

Didapati kawasan KT 80 responden berdasarkan Jadual 6, tidak sampai separuh responden berjaya dalam maqasid *al-aqal* iaitu sebanyak 43.8 peratus, manakala sederhana adalah 42.5 peratus dan gagal mencapai maqasid ketiga hanya 13.8 peratus. Kawasan daerah KN pula menunjukkan bahawa daripada 60 responden, seramai 26 orang iaitu (43.3%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, manakala seramai 28 orang (46.7%) pada tahap sederhana dan hanya 6 orang (10.0%) tidak berjaya (Lihat Jadual 7). Berdasarkan kajian ini didapati tahap berjaya hanya dinikmati tidak sampai separuh daripada responden (43.3%). Berdasarkan hal tersebut dapat golongan asnaf masih terbelenggu dengan ciri-ciri peribadi terutama golongan miskin yang merasa rendah diri, kurang bergaul dan rasa terpinggir. Golongan asnaf fakir dan miskin perlu dibantu bukan sahaja daripada aspek kewangan motivasi dan galakan yang berterusan wajar diketengahkan. Sekiranya mereka dapat ditingkatkan motivasi, elemen aqal ini pasti akan mencapai skala yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

*d) Keberkesanan bantuan modal dalam memenuhi prinsip keempat Maqasid-Keperluan menjaga maruah & keturunan (al-nasb).*

Prinsip Maqasid al-Syariah seterusnya adalah daripada aspek menjaga maruah dan keturunan (al-nasb). Untuk itu, sebanyak 5 item perlu diberi perhatian dan penilaian oleh responden. Berdasarkan Jadual 4 didapati, kebanyakan penilaian adalah sederhana dan berjaya.

Rajah 1 untuk KT menunjukkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga maruah & keturunan. Rajah tersebut didapati item dalam kategori berjaya ialah penghargaan dan kepercayaan ahli keluarga (B4.1), penghormatan daripada ahli keluarga (B4.2), sikap tanggungjawab (B4.3), sikap tanggungjawab dan amanah (B4.5). Namun terdapat item yang dilihat kurang berjaya iaitu keberanian memegang jawatan dalam sebarang persatuan atau organisasi (B4.4). Bagi KN rajah yang sama menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga maruah dan keturunan (*an-Nasb*). Berdasarkan carta CAST tersebut, didapati item yang dalam kategori berjaya ialah penghargaan dan kepercayaan ahli keluarga (B4.1), penghormatan daripada ahli keluarga (B4.2), penghormatan daripada jiran (B4.3) dan sikap bertanggungjawab dan amanah (B4.5). Manakala, satu item dikategorikan pencapaian kurang berjaya iaitu daripada aspek keberanian memegang jawatan (B4.4). Mereka dilihat tidak mempunyai keberanian dan keyakinan diri untuk menawarkan dan memegang sebarang jawatan dalam persatuan atau NGO. Hal ini dipengaruhi oleh pandangan peribadi dan rasa rendah diri mereka kerana kedudukan strata dalam masyarakat.

Jadual 4: Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan dalam Memenuhi Prinsip Keempat Maqasid al-Syari'ah: Prinsip Menjaga Maruah dan Keturunan (*an-Nasl*)

Item	Pernyataan	Purata Skor/Kategori (Kuala Terengganu)	Purata Skor/Kategori (Kuala Nerus)
B4.1	Pekerjaan yang dilakukan kini membolehkan mendapat penghargaan dan kepercayaan dari ahli keluarga	4.39 (Berjaya)	4.50 (Berjaya)
B4.2	Merasakan lebih dihormati oleh ahli keluarga	4.30 (Berjaya)	4.40 (Berjaya)
B4.3	Merasakan lebih dihormati dan diterima oleh jiran sekeliling	4.24(Sederhana)	4.32 (Berjaya)
B4.4	Berani menawarkan diri menjadi ketua sesuatu kumpulan/NGO yang disertai	3.38(Sederhana)	3.08 (Kurang berjaya)
B4.5	Menganggap perniagaan yang dilakukan merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang perlu disempurnakan.	4.48(Berjaya)	4.62 (Berjaya)
	Purata Skor Keberkesanan Keseluruhan	4.19(Sederhana)	4.18 (Sederhana)

Sumber: Maklumat soal selidik

Hasil kajian juga berdasarkan Jadual 6 menunjukkan di KT didapati tahap berjaya hanya 33 orang atau 41.3 peratus sahaja. Ini menunjukkan ramai berada dalam lingkungan sederhana. Maka perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan mereka dibantu dan diberi galakan untuk meningkatkan tahap keyakinan tinggi dan memberikan penghormatan pada diri. Maruah adalah perkara yang sangat berharga dalam Islam. Kawasan KN berdasarkan Jadual 7 didapati tahap berjaya hanya dinikmati oleh seramai 26 responden (43.3%). Ini menunjukkan lebih ramai berada pada tahap sederhana. Maka, perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan mereka dibantu dan diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan mereka dibantu dan diberi galakan untuk meningkatkan tahap keyakinan tinggi dan memberikan penghormatan pada diri dan akhirnya mampu memenuhi keperluan daripada aspek menjaga nama baik dan keturunan (an-Nasl) yang telah digariskan dalam Maqasid al-Syari'ah.

*e)Keberkesanan Bantuan modal dalam memenuhi prinsip kelima maqasid-Keperluan menjaga harta (al-mal)*

Aspek terakhir yang diukur adalah prinsip Maqasid al-Syariah keperluan menjaga harta (*al-mal*). Berdasarkan Jadual 5 di daerah KT, terdapat lapan item atau soalan yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi dan hasil kajian di dapati bahawa skor yang diperolehi kebanyakan pada tahap pencapaian sederhana dan sebahagian kecil yang gagal. Rajah 1 menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanannya oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan Menjaga Harta (*al-mal*).

Rajah 1 menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang dinilai bagi memenuhi setiap keperluan menjaga harta (*al-mal*). Berdasarkan rajah CAST tersebut, didapati terdapat satu item sahaja yang mencapai ketidakberjayaan secara purata iaitu kemampuan membayar sewa/ansuran rumah secara konsisten seperti yang dijadual secara tepat (B5.5). Manakala item lain merangkumi keperluan asasi (B5.1), stok keperluan dapur (B5.2), keperluan pakaian musim perayaan (B5.3), keperluan tidur dan rehat (B5.4), kemudahan bekalan utiliti (B5.5), pendidikan dan kesihatan masing-masing (B5.7) dan (B5.8) secara umumnya dapat dirumuskan adalah dalam lingkungan yang sederhana. Bagi KN rajah sama menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanannya oleh 60 responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga harta (*al-Mal*). Berdasarkan rajah CAST tersebut, didapati terdapat satu sahaja item yang mencapai tahap berjaya iaitu daripada aspek keperluan asasi (makan dan minum) (B5.1). manakala, lain-lain item berada pada kategori sederhana iaitu, adalah perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik (B5.2), memenuhi keperluan berhempah semasa berbelanja di musim perayaan (B5.3), keperluan tidur dan rehat (B5.4), kemampuan membayar bil elektrik dan air (B5.6), keperluan dan perbelanjaan pendidikan (B5.7) dan keperluan rawatan (B5.7). Hanya satu sahaja item yang mencapai tahap kurang berjaya iaitu kemampuan membayar sewa dan ansuran rumah (B5.5).

Jadual 5: Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan dalam Memenuhi Prinsip Kelima Maqasid al-Syari'ah: Prinsip Menjaga Harta (*al-Mal*)

Item	Pernyataan	Purata Skor/Kategori (Kuala Terengganu)	Purata Skor/Kategori (Kuala Nerus)
B5.1	Dapat memastikan diri dan ahli keluarga menikmati hidangan makanan yang mencukupi sekurang-kurangnya 2 kali sehari	4.18 (Sederhana)	4.32 (Berjaya)
B5.2	Memastikan mempunyai stok keperluan barangan dapur untuk sekurang-kurangnya sebulan	4.05 (Sederhana)	4.12 (Sederhana)
B5.3	Mampu menyediakan sekurang-kurangnya sepersalinan pakaian baru untuk diri dan ahli keluarga pada musim perayaan	4.23 (Sederhana)	4.18 (Sederhana)
B5.4	Mampu menyediakan keperluan tidur dan rehat seperti tilam dan bantal yang mencukupi untuk seisi keluarga	4.08(Sederhana)	4.17 (Sederhana)
B5.5	Kini mampu membayar sewa bulanan/ansuran rumah tepat pada masanya	3.44(Gagal)	3.25 (Kurang berjaya)
B5.6	Rumah yang didiami kini lengkap dengan kemudahan bekalan air dan elektrik dan saya mampu membayar bil berkenaan	3.90 (Sederhana)	3.97 (Sederhana)
B5.7	Mampu membiayai perbelanjaan pendidikan ahli keluarga	3.94 (sederhana)	3.97 (Sederhana)
B5.8	Berupaya memastikan keluarga mendapatkan rawatan di hospital/klinik sekiranya ada masalah kesihatan	4.08 (sederhana)	4.05 (Sederhana)
	Purata Skor Keberkesanan Keseluruhan	3.98 (Sederhana)	4.00 (Sederhana)

Sumber: Maklumat soal selidik



Ini menunjukkan bahawa kebanyakan golongan usahawan asnaf masih tidak mampu lagi berada pada tahap yang lebih selesa dalam menyediakan keperluan harian keluarga mereka seperti bayaran bil, keperluan pendidikan dan keperluan rawatan kesihatan. Namun secara umumnya perbandingan KN dan KT menunjukkan pencapaian yang sangat sederhana dalam konteks keperluan menjaga harta.

Didapati daripada 80 responden KT berdasarkan Jadual 6, kejayaan untuk konteks maqasid syariah harta adalah sangat kecil iaitu 30 peratus dan sederhana adalah 58.8 peratus. Bagi yang gagal seramai 9 orang atau 11.3 peratus. Selain itu, seramai 60 responden untuk KN. Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan bahawa daripada 60 responden, seramai 17 orang (28.3%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, manakala seramai 37 orang (61.7%) pada tahap sederhana dan hanya 6 orang (10.0%) tidak berjaya. Secara keseluruhannya, golongan asnaf ini masih perlu dibantu dan juga perlu berusaha lebih keras dalam meningkatkan pencapaian dan kemajuan ekonomi mereka agar masalah kewangan tidak lagi dirantai masalah kemiskinan. Sekiranya mereka berjaya memenuhi keperluan menjaga harta, ini secara tidak langsung menandakan mereka berjaya melepasi *had kifayah* dan memenuhi keperluan asasi tahap *daruriyyat* sebagai penanda aras membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih baik

*f) Rumusan keberkesanan bantuan modal dalam memenuhi lima prinsip maqasid syariah*

Rumusan hasil kajian bagi kelima-lima prinsip Maqasid al-Syari'ah untuk kawasan daerah KT dan KN yang telah diperolehi dapat diringkaskan menerusi Jadual 6 dan Jadual 7. Berdasarkan jadual tersebut, terdapat 30 item/soalan yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi. Maka hasil kajian didapati bahawa purata skor bagi setiap prinsip berkenaan kebanyakan pada tahap pencapaian sederhana berjaya.

Rajah 1 carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesannya oleh responden yang terlibat bagi memenuhi keperluan kelima-lima prinsip Maqasid al-Syariah. Berdasarkan carta CAST ini, dapat dirumuskan hasil kajian mendapati majoriti responden adalah berjaya sekurang-kurangnya pada tahap sederhana berjaya bagi setiap elemen yang dikaji bagi memenuhi keperluan yang kelima-lima yang telah ditetapkan oleh Maqasid al-Syariah. Maka secara majoritinya golongan asnaf fakir dan miskin yang mendapat bantuan modal zakat telah berupaya untuk mengubah taraf sosioekonominya ke arah yang lebih baik jika dinilai daripada perspektif memenuhi keperluan yang digariskan berdasarkan prinsip Maqasid al-Syariah itu.

Jadual 6: Ringkasan Pencapaian asnaf berdasarkan Kaedah Penilaian Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan di Kuala Terengganu

Prinsip Maqasid al-Syari'ah	Bilangan Responden Kuala Terengganu			Purata Skor
	Berjaya	Sederhana	Kurang berjaya	
Menjaga Agama ( <i>ad-Din</i> )	47 (58.8)	26 (32.5)	7 (8.8)	4.10
Menjaga Nyawa ( <i>an-Nafs</i> )	29 (36.3)	36 (45.0)	15 (18.8)	4.07
Menjaga Akal dan Fikiran ( <i>al-'Aql</i> )	35 (43.8)	34 (42.5)	11 (13.8)	4.14
Menjaga Maruah dan Keturunan ( <i>an-Nasl</i> )	33 (41.3)	41 (51.3)	6 (7.5)	4.19
Menjaga Harta ( <i>al-Mal</i> )	24 (30.0)	47 (58.8)	9 (4.3)	3.98
Purata Bagi 5 Prinsip Maqasid al-Syari'ah	28 (35.0)	47 (58.8)	5 (6.3)	4.10

Nota : Berjaya: Nilai min 4.25 ke atas; Sederhana: nilai min antara 3.50 – 4.24; Kurang Berjaya: nilai min kurang daripada 3.49

( ) peratusan daripada jumlah keseluruhan responden

Sumber: Maklumat soal selidik

Jadual 7: Ringkasan Pencapaian asnaf berdasarkan Kaedah Penilaian Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan di Kuala Nerus

Prinsip Maqasid al-Syari'ah	Bilangan Responden Kuala Nerus			Purata Skor
	Berjaya	Sederhana	Kurang berjaya	
Menjaga Agama ( <i>ad-Din</i> )	35 (58.3)	19 (31.7)	6 (10.0)	4.22
Menjaga Nyawa ( <i>an-Nafs</i> )	25 (41.7)	28 (46.7)	7 (11.7)	4.17
Menjaga Akal dan Fikiran ( <i>al-'Aql</i> )	26 (43.3)	28 (46.7)	6 (10.0)	4.18
Menjaga Maruah dan Keturunan ( <i>an-Nasl</i> )	26 (43.3)	30 (50.0)	4 (6.7)	4.18
Menjaga Harta ( <i>al-Mal</i> )	17 (28.3)	37 (61.7)	6 (10.0)	4.00
Purata Bagi 5 Prinsip Maqasid al-Syari'ah	24 (40.0)	33 (55.0)	3 (5.0)	4.15

Nota : Berjaya: Nilai min 4.25 ke atas; Sederhana: nilai min antara 3.50 – 4.24; Kurang Berjaya: nilai min kurang daripada 3.49

( ) peratusan daripada jumlah keseluruhan responden

Sumber: Maklumat soal selidik

Secara umumnya berdasarkan Jadual 6 untuk analisis daerah KT jelas menunjukkan prinsip *ad-din* menunjukkan daripada sejumlah besar 80 orang responden, 47 orang iaitu hampir 58.8 peratus berada pada kedudukan CAST yang berjaya, kedudukan sederhana hanya 26 orang atau 32.5 peratus dan yang gagal adalah sebanyak 7 orang atau 8.8 peratus. Bagi prinsip yang kedua *An-nafs* iaitu menjaga nyawa seramai 29 orang atau 36.3 peratus menunjukkan kejayaan yang cemerlang bagi pengiraan CAST, seramai 36 orang responden atau 45 peratus sederhana dan tidak berjaya hanya seramai 15 orang atau 18.8 peratus. Prinsip menjaga akal pula yang mencatatkan kejayaan seramai 35 orang atau 43.8 peratus, manakala sederhana 34 orang atau 42.5 peratus dan tidak berjaya seramai 11 orang atau 13.8 peratus. Kategori maqasid yang keempat iaitu menjaga maruah dan keturunan *an-nasl* yang berjaya hanya 33 orang atau 41.3 peratus dan sederhana 41 orang sahaja (51.3%) dan gagal seramai 6 orang responden atau 7.5 peratus. Bagi keategori yang terakhir iaitu kepentingan maqasid menjaga harta skor tertinggi dengan mencatatkan seramai 24 orang atau 30 peratus yang berjaya, 47(58.8%) sederhana dan tidak berjaya 9 orang (4.3%) sahaja. Secara agregat, skor yang diperolehi hanya dalam lingkungan sederhana iaitu skor hanya sebanyak 4.10 bagi pengiraan kaedah CAST.

Bagi kawasan KN berdasarkan Jadual 7 sebagaimana kawasan KT, didapati hanya bagi prinsip menjaga agama (*ad-Din*), jelas menunjukkan bahawa daripada 60 responden, seramai 35 orang iaitu 58.3 peratus berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori berjaya, seramai 19 orang (31.7%) pada tahap sederhana dan hanya 6 orang (10.0%) tidak berjaya. Bagi prinsip menjaga nyawa (*an-Nafs*) menunjukkan bahawa seramai 28 orang iaitu (46.7%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori sederhana, manakala seramai 25 orang (41.7%) pada tahap berjaya dan hanya 7 orang (11.7%) tidak berjaya. Begitu juga bagi prinsip menjaga akal dan fikiran (*al-'aql*) menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu, seramai 28 orang iaitu (46.7%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori sederhana, manakala seramai 26 orang (43.3%) pada tahap sederhana dan hanya 6 orang (10.0%) tidak berjaya. Didapati juga bagi prinsip menjaga maruah dan keturunan (*an-Nasl*), seramai 30 orang (50.0%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori sederhana, manakala seramai 26 orang (43.3%) pada tahap berjaya dan hanya 4 orang (6.7%) tidak berjaya. Bagi prinsip menjaga harta (*al-Mal*), iaitu seramai 37 orang (61.7%) berada pada kedudukan tahap CAST pada kategori sederhana, seramai 17 orang (28.3%) berjaya dan 6 orang (10.0%) tidak berjaya.

Rajah 1 menunjukkan carta CAST yang menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesannya oleh responden bagi memenuhi keperluan menjaga agama (*ad-din*)/ keperluan kesempurnaan diri. Seperti yang ditunjukkan dalam carta CAST, kebanyakan elemen adalah pada kategori berjaya kecuali dua item berada pada kategori sederhana iaitu kemampuan berdikari (D5) dan kemampuan membayar zakat (D6). Ini menunjukkan golongan asnaf masih tidak begitu yakin dapat berdikari

sepenuhnya dan menjadi pembayar zakat pada masa akan datang. Maka golongan ini perlu diberi pengawasan dan bimbingan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka lebih yakin untuk berdikari tanpa bergantung kepada pihak lain dan pada akhirnya mampu mentransformasikan diri daripada status penerima kepada pembayar zakat. Menjaga agama bermakna mematuhi segala perintahnya dan kewajiban membayar zakat adalah satu tuntutan rukun Islam yang wajib ke atas umat Islam yang berkemampuan. Sekiranya mereka mampu menjadi pembayar zakat ini bermakna telah menunaikan keperluan Rukun Islam yang menjadi tuntutan ajaran Islam.

## Kesimpulan



Berdasarkan analisis CAST ini tindakan yang tepat boleh dilakukan oleh pihak berkuasa dan institusi zakat kerana ia memberikan gambaran yang terperinci untuk setiap elemen yang dikaji sama ada perubahan berkenaan adalah menggalakkan atau sebaliknya. Maka, menerusi kaedah CAST bagi analisis yang membabitkan dua daerah penting di KT dan KN yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri, komersial dan pusat pengajian tinggi awam, secara tidak langsung memenuhi objektif utama kajian untuk melihat sejauh mana keberkesanan bantuan modal perniagaan daripada aspek memenuhi keperluan yang digariskan berdasarkan prinsip Maqasid al-Syari'ah. Ia dapat memberikan penilaian yang lebih komprehensif kerana mengambil kira semua faktor yang penting dalam kehidupan manusia sebagaimana digariskan oleh Maqasid al-Syari'ah iaitu agama, nyawa, akal dan fikiran, maruah dan keturunan dan harta. Oleh itu, kegagalan meningkatkan pendapatan secara signifikan tidak semestinya menggambarkan kegagalan program agihan zakat kerana ia mungkin dapat meningkatkan aspek lain yang juga penting untuk kehidupan di samping responden mungkin merasai perubahan yang positif secara keseluruhan.

## Rujukan

- Ahmad Fuad Mohamed. 2006. Zakat Sebagai Mekanisma Pembangunan Usahawan Di Kalangan Asnaf. Kertas Ilmiah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahsan Ullah & Routray J.K, 2007. "Rural Poverty Alleviation Through NGO Intervention in Bangladesh":How Far It The Achievement. *International Journal of Social Economics*. Vol 34, No 4 (2007),hlm 237-248.
- Emil J. Posavac& Raymond G. Carey, 1992. Program Evaluation Methods and Case Studies. Fourth Edition. United State of America: Prentice Hall.
- Fuadah Johari, 2004. Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah kemiskinan di Negeri Melaka. Disestasi Sarjana Syariah dan Ekonomi. Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, 2004. "Kesan bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin". Dlm Muhamad Muda et.al. Proceeding on *National Seminar in Islamic Banking & Finance* 2004. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication

- Jaya S. Anand 2005. "Addressing Poverty Through Self- Help Groups in Kemala".Dlm Jak Jabes(ed). *The Role of Public Administration in Alleviating Poverty and Improving Government*. Manila: Asian Development Bank.
- Koirala, Parashar. 2005. Public service delivery mechanism and rural poverty in Nepal. Dlm.Jabes (pnyt) *The role of public administration in alleviating poverty and improving government*. Manila: Asian Development Bank.
- Mikkelsen, B. 2005. *Methods of Development Work and Research. A New Guide For Practitioners*.Second Edition. New Delhi: Sage Publications India. Pvt.Ltd
- Mujani Tarimin.2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distribution
- Patmawati Ibrahim, 2005. " Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Inequality Among the Muslim Society". Dlm Abdullah Alwi Hj Hassan et al. *Teori dan Aplikasi Kontemporari*.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad. 2010. Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah. Kertas Kerja dibentang di Seveth International conference; The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. Organise by Institut Islam Hadhari dan Ekonis, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM di ILIM, Bangi. 6-7 Januari 2010.
- Zainal Abidin Arshad. 1992. *Kemiskinan: Kajian Keberkesanan Program- Program Kerajaan Di Perlis*.Tesis Sarjana Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia

Rajah 1: Carta CAST yang menggambarkan perbandingan purata skor bagi keseluruhan responden memenuhi prinsip maqasid syariah



Sumber: Maklumat soal selidik

---

# PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

## SATU PENDEKATAN ANALISIS GELAGAT

---

Perkembangan ilmu dalam pengkajian zakat telah berkembang luas dengan begitu pesat di serata dunia. Gabungan kekuatan ilmu asas dan ilmu alat dalam menganalisis sesuatu fenomena gelagat manusia berkaitan zakat serta hasil dapatan dan penemuan kajian secara empirikal merupakan satu keperluan yang mainstream pada masa kini. Maka sudah pastilah segala dapatan yang bersifat empirik tersebut memerlukan kepada metodologi yang bersifat saintifik dan sistematik yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sesuatu teori serta meyakinkan para penggubal dasar dengan penemuan yang diperolehi. Pengkajian zakat secara empirik juga amat diperlukan untuk menerangkan sesuatu fenomena gelagat manusia dalam menguruskan ekonomi termasuklah aspek zakat kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam agar orang bukan Islam dapat melihat keindahan Islam dengan lebih syumul daripada aspek pengkajian yang diiktiraf sebagai mainstream pada masa kini. Pendekatan yang digunakan dalam buku ini menggunakan teori asas dalam ilmu ekonomi sebagaimana yang biasa digunakan dalam menganalisis gelagat agen ekonomi. Buku ini merupakan kompilasi artikel berkaitan zakat yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke 12, 2017. Sebahagian besar artikel ini adalah disumbangkan oleh para pelajar dalam Program Sarjana Ekonomi Islam dan Sarjana Ekonomi di Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2017. Fokus kajian zakat dalam buku ini adalah kajian yang berkaitan dengan gelagat manusia dalam sistem pengurusan zakat yang terdiri daripada amil, asnaf serta pembayar zakat di Malaysia. Hanya terdapat satu artikel yang mengkaji aspek pengurusan zakat di Riau, Indonesia. Walau pun pendekatan yang digunakan dalam buku ini agak teknikal iaitu menggunakan pendekatan statistik dan ekonometrik, namun buku ini amat baik dijadikan sebagai bahan rujukan oleh para pelajar dan pengkaji ilmu ekonomi Islam terutamanya dalam bidang kajian zakat.

HAIRUNNIZAM WAHID, PhD. dan MOHD ALI MOHD NOOR, PhD., adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala ADIBAH ABDUL WAHAB, PhD., merupakan Ketua Divisyen Dakwah dan Syariah, Lembaga Zakat Selangor. MUHAMMAD TAJUDDIN ABDUL RAHIM, MA Syariah., merupakan Ketua Unit Zakat, Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

